

**PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DALAM PROSES PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN KE ARAH PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR DI
KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA**

NORAZRI BIN MOHD ZAIDIN

Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JAN 2015

ABSTRACT

One thing that should be emphasized in order to produce students with noble character is the implementation of moral values in teaching and learning process. The research was conducted to identify the level of moral values applied by the lecturers in teaching and learning process (T&L). The research was conducted to discover the effectiveness of applied morale values practiced too bring forth students with noble chracter and to verify differences in perspectives between lecturers and students. For the purpose of this research, respondents was selected from Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang and Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah as the southern zone representatives. Respondents selected are 100 lecturers 300 students. Instrument used are questionnaires towards lecturers and students in term of cooperation, respect and responsibility. This research was analysed using Statistical Packages For Social Science (SPSS) version 19.0 in order to calculate the mean score, percentages and result of T-test. Results of the research indicate as overall that the implementation of moral values among the lecturers is high, and there is a significant differences between the lecturers and students perspectives. In conclusion, the implementataion of moral values happen during the teaching and learning process. This research would hopefully contribute towards lecturers and students awareness on the significance of the applied moral values in the teaching and learning process.

ABSTRAK

Perkara yang harus ditekankan bagi melahirkan pelajar yang berakhlak mulia adalah dengan pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerapan nilai-nilai murni dikalangan pensyarah sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan amalan nilai-nilai murni yang diamalkan dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan melihat perbezaan dari perspektif pengajar dan pelajar dalam penerapan nilai-nilai murni. Bagi tujuan kajian ini, pensyarah dan pelajar dari Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah mewakili Institusi Pendidikan MARA zon selatan telah dipilih. Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada 100 orang pensyarah dan 300 orang pelajar. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk borang soal selidik ke atas pensyarah dan pelajar dari aspek bekerjasama, hormat menghormati dan bertanggungjawab. Kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) 19.0 bagi mendapatkan skor min, peratusan dan Ujian-t. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan penerapan nilai-nilai murni di kalangan pensyarah berada pada tahap tinggi dan terdapat perbezaan yang signifikan dari perspektif pensyarah dan pelajar dalam penerapan nilai-nilai murni. Secara kesimpulannya, terdapat penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Kajian ini diharapkan mampu memberi sumbangan kepada pensyarah dan pelajar tentang kepentingan penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI ISTILAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Skop Kajian	8
	1.8 Kerangka Konsep	9
	1.9 Definisi Terminologi	10
	1.9.1 Nilai-Nilai Murni	10
	1.9.2 Pengajaran dan Pembelajaran	11
	1.9.3 Pembentukan Sahsiah	11
	1.11 Rumusan	12

BAB 2	KAJIAN LITERATUR	13
2.1	Pengenalan	13
2.2	Perkaitan Teori Behavior Dalam Penerapan Nilai	14
2.3	Konsep Nilai	15
2.4	Konsep Sahsiah	16
2.5	Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	17
2.5.1	Elemen-Elemen Nilai-Nilai Murni Menurut FPK	18
2.6	Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan MARA	19
2.6.1	Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bekerjasama	20
2.6.2	Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Hormat Menghormati	21
2.6.3	Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bertanggungjawab	21
2.7	Pendidikan Sebagai Landasan Penerapan Nilai-Nilai Murni	22
2.8	Konsep Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional	23
2.9	Tugas dan Tanggungjawab Pengajar	24
2.10	Rumusan	26
BAB 3	METODOLOGI	27
3.1	Pendahuluan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Kerangka Operasi	28
3.4	Lokasi Kajian	30
3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	31
3.6	Instrumen Kajian	32
3.6.1	Borang Soal Selidik	33
3.7	Kaedah Analisis Data	34

3.8	Kajian Rintis	35
3.8.1	Kesahan Soal Selidik	36
3.9	Analisis Kajian Rintis	36
3.10	Rumusan	37
BAB 4	ANALISIS DATA	38
4.1	Pendahuluan	38
4.2	Latar Belakang Responden	39
4.3	Dapatan Dari Instrumen Soal Selidik	40
4.3.1	Analisis Bahagian A: Maklumat Demografi Responden	41
4.3.1.1	Jantina	41
4.3.1.2	Tahap Pendidikan Tertinggi	42
4.3.1.3	Pengalaman Bekerja	43
4.3.1.4	Demografi Pelajar	44
4.3.2	Analisis Bahagian B: Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Perspektif Pensyarah Dan Pelajar.	45
4.3.2.1	Analisis Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Kerjasama Berkumpulan	46
4.3.2.2	Analisis Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Hormat Menghormati	48
4.3.2.3	Analisis Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bertanggungjawab	49
4.3.3	Analisis Bahagian C: Penerapan Nilai-Nilai Murni Mampu Melahirkan Pelajar Yang Berakhlak Mulia	51
4.3.3.1	Analisis Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bekerjasama	52
4.3.3.2	Analisis Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Hormat Menghormati	53
4.3.3.3	Analisis Penerapan Nilai-Nilai Murni	55

	Dari Aspek Bertanggungjawab	
4.3.4	Analisis Persoalan Kajian 3: Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Pensyarah Dan Pelajar Dalam Penerapan Nilai- Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	57
4.4	Rumusan	60
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	61
5.1	Pendahuluan	61
5.2	Perbincangan	62
5.2.1	Latar Belakang Responden	62
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	64
5.3.1	Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Perspektif Pensyarah Dan Pelajar	64
5.3.2	Keberkesanan Amalan Nilai-Nilai Murni Yang Diamalkan Mampu Melahirkan Pelajar Yang Mempunyai Sahsiah Mulia	66
5.3.3	Adakah Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Di Antara Pensyarah Dan Pelajar Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	67
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	68
5.5	Cadangan Dan Saranan	69
5.5.1	Cadangan Terhadap Kajian	69
5.5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	70
5.6	Rumusan	71
	RUJUKAN	72
	LAMPIRAN	79

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Berkenaan Kajian	9
2.1	16 Nilai-Nilai Murni Yang Diadaptasi Dari FPK	18
3.1	Carta alir Kerangka Operasi Kajian	29
4.1	Bilangan Responden Mengikut Lokasi	40
4.2	Bilangan Sampel Pensyarah Berdasarkan Tahap Pendidikan	42
4.3	Bilangan Pensyarah Berdasarkan Pengalaman Bekerja	43
4.5	Bilangan Sampel Pelajar Berdasarkan Bidang Program	44

SENARAI JADUAL

2.1	Falsafah Pendidikan MARA	18
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie Dan Morgan (1970)	31
3.2	Populasi Dan Sampel Mengikut Tempat	32
3.3	Kandungan Soal Selidik	33
3.4	Skala Likert	34
3.5	Kaedah Analisis Data Bagi Persoalan Kajian	34
3.6	Interpretasi Skor <i>Alpha Cronbach</i> (Burke dan Larry)	36
4.1	Bentuk soal selidik	39
4.2	Bilangan responden pensyarah dan pelajar mengikut jantina	41
4.3	Bentuk item Bahagian B di dalam instrumen soal selidik	45
4.4	Skala Likert	45
4.5	Keputusan penerapan nilai-nilai murni dari aspek kerjasama berkumpulan	46
4.6	Tahap Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Aspek Kerjasama Berkumpulan	47
4.7	Keputusan Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Hormat Menghormati	48
4.8	Tahap Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Perspektif Pengajar Dan Pelajar Dari Aspek Hormat Menghormati	48

4.9	Keputusan Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bertanggungjawab	49
4.10	Tahap Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Perspektif Pengajar Dan Pelajar Dari Aspek Bertanggungjawab.	50
4.11	Bentuk Item Bahagian C di Dalam Instrument Soal Selidik	51
4.12	Dapatan Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bekerjasama	52
4.13	Analisis Min Bagi Aspek Bekerjasama	52
4.14	Keputusan Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Hormat Menghormati	53
4.15	Analisis Min Bagi Aspek Hormat Menghormati	54
4.16	Keputusan Penerapan Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bertanggungjawab	55
4.17	Analisis Min Bagi Aspek Bertanggungjawab	56
4.18	Nilai Bagi Skewnes Dan Kurtosis	57
4.19	Nilai Bagi Kolmogorov-Smirnow Dan Shapiro-Wilk	58
4.20	Ujian-T Perbezaan Di Antara Pensyarah Dan Pelajar Dalam Penerapan Nilai-Nilai Murni Sewaktu Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	59

SENARAI LAMPIRAN

Soal Selidik Kajian Sebenar	79
Hasil Keputusan Rintis Alpha Cronbach	92
Analisis Data Keseluruhan Kajian	97
Pengesahan Soal Selidik	113
Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian	117

SENARAI ISTILAH

IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
IPMA	-	Institusi Pendidikan MARA
FPM	-	Falsafah Pendidikan MARA
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
INTAN	-	Institut Takbir Awam Negara
BKT	-	Bahagian Kemahiran Teknikal
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
JERI	-	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
SPSS	-	<i>Statistic Package For The Social Science</i>
MRSM	-	Maktab Rendah Sains MARA
IKM	-	Institut Kemahiran MARA
KPM	-	Kolej Profesional MARA

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan perlu mengambil peranan yang penting dalam membina nilai-nilai yang positif kepada masyarakat ke arah menuju sebuah negara yang maju dan moden. Tanpa penerapan elemen nilai-nilai murni ke arah pembangunan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak, manusia akan menjadi huru hara. Sebagai contoh negara matahari terbit Jepun, yang terkenal dengan kepandaian mencipta teknologi tinggi, namun kadar kematian akibat dari kes membunuh diri juga merupakan ancaman terhadap masyarakatnya. Secara global, dianggarkan seramai 2.5 juta manusia telah membunuh diri kerana kerja dan 60 peratus daripada kes membunuh diri berlaku di Asia. Negara Jepun sahaja, yang terkenal dengan simptom *karoshi* (kematian akibat terlalu teruk bekerja), dianggarkan 10,000 pekerja mati kerana pekerjaan setiap tahun (Kosmo, 30 Disember 2013). Akibatnya masyarakat yang sudah tiada amalan nilai-nilai murni akan menyebabkan kehancuran sistem kekeluargaan, gejala sosial, pembunuhan, tekanan kerja dan lain-lain dalam kehidupan seharian mereka.

Realiti pada hari ini, cabaran utama yang dihadapi umat Islam ialah berkenaan dualisme dan sekulerisme dalam proses pendidikan. Ini menyebabkan ilmu-ilmu yang ada ini telah terpisah diantara ilmu berbentuk *ukhrawi* dan *duniawi*. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (2010), iaitu sekularisme merupakan konsep yang memisahkan manusia dengan agama. Oleh yang demikian, pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan manusia yang dapat meneruskan kehidupan, namun matlamatnya adalah lebih daripada itu, iaitu dengan melahirkan insan yang seimbang antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Pendidikan juga perlu menerapkan nilai-nilai positif ke arah pembangunan insan yang seimbang dari segi akademik dan akhlak. Seterusnya dengan pendidikan yang menerapkan nilai-nilai murni di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini akan melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia.

Proses pendidikan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang kebiasaannya dilakukan secara formal dan di dalam bilik darjah. Proses ini juga akan melibatkan dua pihak iaitu pengajar dan pelajar. Menurut Hashim (2003), pengajaran dan pembelajaran ialah satu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh pengajar dan pelajar. Selain itu, Othman (2010), juga mengatakan pengajar perlu menekankan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia adalah asas pembangunan kepada pembentukan nilai pelajar yang bermoral dan beretika. Oleh yang demikian, proses pengajaran perlu dirancang terlebih dahulu oleh pengajar secara sistematik dengan menggunakan kaedah-kaedah dan teknik yang bersesuaian mengikut kepada suasana dan situasi yang sesuai bagi mencipta proses pembelajaran.

Kurikulum pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu menerapkan konsep kesepaduan dengan menerapkan nilai-nilai murni. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibrahim *et al* (2012), pendidikan dan pengetahuan agama merupakan medium terpenting dalam membentuk jati diri serta mampu membentuk spiritual yang murni di kalangan pelajar. Selain itu, kurikulum pendidikan berperanan sebagai satu mekanisme bagi menanamkan sifat-sifat nilai-nilai murni, akhlak, dan tingkah laku yang baik. Menurut Omar (2008), pendidikan nilai sangat penting bagi membanteras gejala dan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dan negara. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai murni ini perlu dipupuk kepada pelajar sejak dari alam persekolahan lagi.

Jelas di sini bahawa aspek keseimbangan dalam pendidikan perlu diambil berat dengan penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan pelajar yang mempunyai akhlak yang mulia. Seperti yang dinyatakan oleh Hashim (2000), penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sahaja, malah perlu diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar termasuk melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum. Ini menunjukkan bahawa penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar perlu ditekankan di dalam setiap subjek kurikulum Malaysia. Selain itu, gejala sosial juga merupakan satu fenomena urbanisasi dan kejutan budaya yang melanda remaja dan belia terutamanya para pelajar. Seterusnya sekiranya krisis ini gagal untuk diatasi ia akan menjadi kekeliruan dalam pendidikan di kalangan remaja. Malahan jika ia tidak dibendung dan diatasi ia boleh menyebabkan gejala sosial bertambah parah.

Nilai-nilai murni merangkumi aspek tingkah-laku yang baik, peradaban dan tatasusila seseorang individu dalam hubungan sesama manusia, alam sekitar, dan Tuhan. Noordin (1994), mengatakan nilai-nilai murni boleh ditakrifkan sebagai satu tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran dalam kehidupan seseorang bagi membentuk akhlak yang mulia. Selain itu, menurut Rajendran dan Meng (1994), secara umumnya nilai-nilai murni memberi maksud kebaikan, kewajipan, kesucian, kecantikan dan kebenaran. Kasran (2011), juga menyebut nilai murni adalah salah satu komponen yang membentuk budaya dan berubah mengikut masa dan faktor persekitaran. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai murni ini perlu menjadi satu matlamat dalam proses pendidikan bagi melahirkan generasi yang mempunyai akhlak mulia. Ia bukan sahaja perlu diterapkan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah namun demikian nilai-nilai murni perlu diterapkan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

1.2 Latar Belakang Masalah

Penerapan nilai-nilai murni perlu disemai bagi meningkatkan akhlak yang mulia kepada golongan pelajar. Ini kerana, Hamzah (2001), telah menyatakan bahawa golongan pelajar merupakan tenaga simpanan negara yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan, penyumbang budaya, penggerak kemajuan dan pelopor pembangunan bagi sesebuah masyarakat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mustari *et al* (2004), dengan masalah keruntuhan akhlak ini sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah para pelajar. Oleh yang demikian, generasi muda terutamanya para pelajar perlu memahami tanggungjawab dan tugas yang mereka akan pikul pada masa akan datang.

Namun demikian, sejak akhir-akhir ini keruntuhan akhlak semakin merebak di kalangan remaja terutamanya dari kalangan pelajar. Masalah ini mungkin berlaku disebabkan oleh kemasukan budaya luar yang tidak bersesuaian dengan budaya rakyat Malaysia. Malahan masalah ini bukan sahaja berlaku kepada pelajar-pelajar bandar tetapi gejala ini sudah menular di kawasan luar bandar. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Junoh (2011), keruntuhan akhlak remaja Islam di kawasan luar bandar merupakan suatu perkara yang tidak asing lagi. Kini masalah keruntuhan akhlak remaja bukanlah semestinya berlaku di kawasan bandar sahaja. Bahkan turut menular di kawasan kehidupan luar bandar yang terkenal dengan adab sopan dan muafakat.

Pelbagai faktor dan punca permasalahan keruntuhan akhlak ini berlaku malahan kajian-kajian boleh dilakukan bagi mendapatkan signifikan berkenaan masalah tersebut. Sharif & Roslan (2011), menyatakan bahawa penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial berpunca daripada aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Selain itu juga terdapat faktor lain berlakunya masalah keruntuhan akhlak dikalangan pelajar seperti sikap yang sentiasa melanggar disiplin atau peraturan. Masalah disiplin ini memberi impak kepada pengajar khususnya bahagian hal ehwal pelajar dan bahagian disiplin dalam membanteras masalah ini. Menurut Rahim *et al* (2005), kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya di kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa tetapi hal ini turut memberi impak

terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda.

Sebagai contoh masalah keruntuhan akhlak yang melibatkan pelajar seperti tidak memberi kerjasama, tidak hormat menghormati dan tidak bertanggungjawab diantara pelajar maka berlakunya kes disiplin seperti buli. Masalah ini semakin meningkat dari masa ke semasa sehinggakan masalah tersebut menjadi satu fenomena yang susah untuk dikawal. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yahaya (2008), masalah buli yang berlaku wujud dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira jantina. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ahmad (2005), mendapati bahawa 22.7 peratus daripada 480 orang pelajar di daerah Batu Pahat pernah dibuli. Masalah buli ini akan terus kepada perkaitan masalah yang lain seperti ponteng sekolah dan seterusnya hilang rasa tanggungjawab sehingga berlakunya vandalisme dikalangan pelajar. Justeru itu, masalah buli dikalangan pelajar bukan sahaja berlaku di kawasan bandar, pinggir bandar malahan ia berlaku di kawasan luar bandar.

Selain itu, pengajar perlu mengambil peranan penting dalam meneruskan agenda penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar. Ini kerana kebanyakan pelajar terutamanya pelajar di Institusi Pengajian Tinggi lebih banyak masa bersama pengajar berbanding keluarga mereka. Menurut Ahmad (2006), selain daripada ibu bapa, pengajar merupakan orang dewasa yang paling rapat dengan pelajar serta dapat memberi teguran, pengalaman dan pandangan kepada pelajar. Selain itu juga Suradin dan Yusoff (2005), mendapati bahawa institusi pendidikan terutamanya pengajar perlu meningkatkan tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar seterusnya dapat membentuk disiplin dari sebarang kesalahan.

Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai murni di Institusi Pendidikan MARA (IPMA) seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) juga tertakhluk kepada Falsafah Pendidikan MARA (FPM) iaitu satu usaha yang berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang. Holistik di sini bermaksud bersepadu dan menyeluruh berteraskan kepada nilai dan meliputi aspek kecemerlangan akademik, kebijaksanaan, fizikal dan iman. Justeru itu, penerapan nilai-nilai murni dikalangan pengajar amat diperlukan dan sejauhmanakah tahap penerapan itu diamalkan oleh pelajar KKTM. Oleh itu, penyelidik telah mengenal pasti beberapa amalan nilai-nilai murni yang wujud sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti bekerjasama, hormat menghormati dan bertanggungjawab. Maka kajian ini

dilaksanakan untuk melihat tahap penerapan nilai-nilai murni yang dilakukan oleh pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar KKTm.

1.3 Penyataan Masalah

Kekuatan jiwa dan rohani haruslah dapat diseimbangkan dengan ilmu duniawi yang dimiliki bagi memastikan tidak tersasar dari tujuan sebenar penciptaan manusia sabagai hamba dalam beribadah kepada Allah s.w.t. Sehubungan itu amalan nilai-nilai murni menjadi matlamat utama dalam melahirkan manusia yang seimbang dalam kehidupan. Penerapan nilai-nilai murni yang dilakukan oleh pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran kearah pembentukan sahsiah pelajar KKTm menjadi persoalan yang perlu dirungkaikan. Sehubungan itu, kajian berkaitan penerapan nilai-nilai murni yang dilakukan oleh pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan.

Justeru itu, penerapan nilai-nilai murni dikalangan pengajar amat diperlukan dan sejauhmanakah tahap penerapan nilai-nilai murni yang dilakukan oleh pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Maka kajian ini mengambil peluang untuk melihat tahap penerapan nilai-nilai murni yang dilakukan oleh pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA berdasarkan tiga piawaian iaitu bekerjasama, hormat menghormati dan bertanggungjawab. Oleh yang demikian, kajian ini di buat adalah untuk mengenal pasti samada amalan nilai-nilai murni pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA mampu membentuk sahsiah pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dari perspektif pengajar dan pelajar.
- ii. Mengenalpasti keberkesanan amalan nilai-nilai murni yang diamalkan mampu melahirkan pelajar yang berakhlak mulia.
- iii. Mengenalpasti perbezaan penerapan nilai-nilai murni antara perspektif pengajar dan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk memenuhi objektif kajian yang dinyatakan beberapa persoalan dikemukakan di dalam kajian ini.

- i. Sejauhmanakah penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dari perspektif pengajar dan pelajar?
- ii. Sejauhmanakah penerapan nilai-nilai murni mampu melahirkan pelajar yang berakhlak mulia?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam penerapan nilai-nilai murni di antara pengajar dan pelajar?

1.6 Kepentingan Kajian

Pendidikan adalah salah satu *wasilah* kepada pelajar dalam membentuk sahsiah diri. Secara umumnya pendidikan ini juga adalah satu proses mendidik, mengasuh serta memperkembangkan daya pemikiran pelajar dari segi akhlak dan akademik. Malahan unsur nilai-nilai murni perlu diterapkan kepada pelajar sewaktu proses pengajaran berjalan berlaku. Justeru, adalah diharapkan dapatan daripada kajian ini akan dapat

membantu para pengajar menilai diri mereka sama ada penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku atau tidak sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan MARA (FPM) secara khususnya dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) secara umum. Perkara ini, perlu disedari oleh para pengajar kerana dengan penerapan nilai-nilai murni ini akan melahirkan pelajar yang boleh menguasai aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Matlamat yang ingin dicapai itu diasaskan kepada konsep pendidikan yang mewujudkan pertalian diantara bidang kognitif, efektif dan psikomotor.


Selain itu, perlu diketahui bahawa proses pengajaran dan pembelajaran perlu menekankan aspek penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar bagi melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia. Tambahan pula, dapatan ini juga boleh membantu hal ehwal akademik pelajar di KKTM dalam meneliti kriteria-kriteria yang perlu dimiliki oleh para pengajar sebelum memulakan kerjaya mereka dalam bidang pendidikan. Ini penting bagi melahirkan pelajar yang memiliki akademik yang cemerlang dan berakhlak mulia.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada penerapan beberapa nilai murni yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Majid *et al* (2012), penerapan nilai murni adalah merupakan satu tumpuan utama dalam proses pembentukan jati diri seseorang muslim. Tanpa akhlak yang mulia dan nilai-nilai murni dalam diri, jati diri tidak dapat dibentuk dan dipupuk dengan baik. Sehubungan itu, kajian penerapan nilai-nilai murni ini hanya tertumpu pada aspek bekerjasama, hormat menghormati dan bertanggungjawab. Kajian ini memfokuskan berkenaan tahap penerapan nilai-nilai murni dan melihat samada terdapat perbezaan di antara pengajar dan pelajar dalam penerapan nilai-nilai murni.

1.8 Kerangka Konsep

Teori yang digunakan oleh penyelidik adalah berkenaan dengan teori tingkah laku yang berkaitan dengan Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura. Menurut Bandura (1973), tingkah laku seseorang individu berdasarkan kepada pengalaman iaitu dengan melihat orang lain yang dianggap sebagai model dan mengamalkannya. Selain itu, Zainal (2009), menambah bahawa tingkah laku manusia boleh dilihat daripada sudut latar belakang yang berbeza kerana mereka telah melalui pelbagai pengalaman hidup. Sekiranya perkara yang dilihat itu mempunyai nilai-nilai murni maka perkara tersebut akan menjadi amalan yang baik kepada seseorang. Malahan seseorang yang mempunyai tingkah laku yang baik maka ia perlu dipupuk dan disemai untuk terus mengekalkan amalan nilai-nilai yang baik tersebut.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian (Ahmad, 2005)

Oleh yang demikian berdasarkan kepada Rajah 1.1, satu kerangka konsep telah dibina sebagai gambaran keseluruhan perjalanan kajian dan perkaitan di antara elemen-elemen yang terlibat. Bagi melaksanakan kajian ini penyelidik mengambil tiga elemen nilai-nilai murni yang merangkumi aspek bekerjasama, hormat menghormati dan bertanggungjawab. Langkah seterusnya bagi melaksanakan nilai-nilai murni ini ia perlu dilakukan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pihak pengajar dan pelajar. Dalam proses ini juga penyelidik ingin melihat tahap penerapan nilai-nilai murni yang telah dilakukan oleh para pengajar. Setelah proses ini berlaku akhirnya penyelidik akan menganalisis hasil kajian mengenai tahap penerapan nilai-nilai murni samada berlaku atau tidak.

1.9 Definisi Terminologi

Penyelidik telah mengemukakan definisi istilah yang sering digunakan dalam kajian ini.

1.9.1 Nilai-Nilai Murni

Menurut Hussin (1995), nilai adalah idea tentang kepentingan, faedah, mutu dan kebernilaian tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat dan berlaku di dalam alam semesta ini. Seterusnya Majid (2012), menyatakan nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan. Selain itu, menurut Mohammah Jodi *et al* (2012), nilai sesuatu yang abstrak yang terdapat dalam sanubari manusia dan menjelma pada sistem sosial. Tambahnya lagi, nilai yang terdapat pada seseorang terbina melalui faktor dan situasi yang pelbagai di sepanjang proses kehidupan yang dilalui oleh individu. Secara umumnya, nilai boleh dibahagikan kepada yang positif seperti perkara baik, yang suci, dan yang benar. Nilai buruk pula dianggap sebagai nilai negatif seperti menipu, kejam, dan sebagainya. Dalam kajian ini, nilai-nilai murni adalah merujuk kepada amalan yang

diterapkan oleh pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Kemahiran Tinggi MARA.

1.9.2 Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran biasanya proses yang dilakukan secara formal dan di dalam bilik darjah. Namun di era globalisasi ini pengajaran dan pembelajaran telah merentasi masa iaitu dengan pembelajaran secara *online* dan sebagainya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hashim (2003), pengajaran dan pembelajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh pengajar dan pelajarannya. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Oleh yang demikian, pengajaran perlu dirancang oleh pengajar secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. Dalam kajian ini, proses pengajaran dan pembelajaran adalah fokus kepada penerapan nilai-nilai murni dan secara khususnya bertujuan untuk membentuk sahsiah dikalangan pelajar.

1.9.3 Pembentukan Sahsiah

Menurut Khamisan (2008), pelajar yang mampu menghayati asas pengetahuan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya mengamalkannya di dalam kehidupan adalah pelajar yang mempunyai sahsiah yang berkualiti. Seterusnya Tuah *et al* (2012), juga menambah proses dalam pendidikan juga sebenarnya tidak dapat dipisahkan daripada penerapan nilai-nilai murni. Pembentukan sahsiah dalam kajian ini adalah merujuk kepada penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

1.10 Rumusan

Secara ringkasnya bab ini telah membincangkan secara sepintas lalu mengenai latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kerangka konsep dan definisi terminologi. Pengajar yang mengajar dari pelbagai mata pelajaran haruslah berperanan memberi kesedaran tentang nilai kepada pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia bukan sahaja hanya memahami kurikulum subjek-subjek tertentu malahan melaksanakan akhlak dan nilai terpuji dalam kehidupan seharian pelajar. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat peranan pengajar dalam menerapkan nilai-nilai murni ketika proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Hasil dari keprihatinan terhadap penanaman nilai murni akan memberi kesan yang positif di dalam pembangunan sahsiah pelajar. Seterusnya pada bab dua penyelidik akan membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan kajian literatur.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dunia pendidikan masa kini menghadapi perkembangan yang sangat pesat terutamanya bagi negara-negara yang sedang membangun. Negara Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi kepesatan dan perkembangan dunia pendidikan ini sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam bab 14 Transformasi Bidang Pendidikan Sebagai Enjin Pembangunan iaitu pendidikan merupakan pemacu yang paling penting untuk mentransformasikan sebuah negara berpendapatan sederhana kepada pendapatan tinggi. Bagi menjelaskan kenyataan tersebut penyelidik telah membahagikan aspek penulisan literatur ini kepada beberapa bahagian utama iaitu teori pembelajaran yang berkaitan kajian, konsep nilai, konsep sahsiah, penerapan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, penerapan nilai-nilai murni dalam Falsafah Pendidikan MARA, pendidikan sebagai landasan penerapan nilai-nilai murni, elemen nilai-nilai murni, konsep penerapan nilai dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional serta tugas dan tanggungjawab pengajar. Oleh yang demikian perbincangan yang lebih terperinci akan diterangkan pada halaman seterusnya.

Pendidikan merupakan asas yang penting dalam perkembangan sesebuah tamadun. Perkara ini dibuktikan dengan perkembangan sejarah ketamadunan manusia seperti tamadun Mesir, tamadun China, tamadun India dan sebagainya. Sejarah membuktikan tamadun-tamadun ini sangat hebat dari segi keilmuan yang mereka miliki. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Balwi (2002), kehebatan Tamadun Asia terbukti melalui penemuan-penemuan sains seperti dalam bidang matematik, astronomi dan sains perubatan. Manakala dalam bidang teknologi pencapaian mereka terserlah dalam bidang perancangan bandar, seni bina dan seni pertukangan termasuklah pembinaan bangunan. Tamadun-tamadun Asia ini meliputi Tamadun Arab-Islam, India, China, Jepun dan Melayu. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa kemajuan dan kemunduran sesebuah tamadun itu bergantung kepada pendidikan yang mereka miliki.

Selain itu, bentuk pendidikan masa kini yang juga disebut sebagai pendidikan dunia tanpa sempadan adalah cabaran yang begitu hebat ke atas sistem pendidikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Said (2000). Namun demikian sistem pendidikan masa kini tidak lagi melalui suatu fasa atau proses yang mudah iaitu dengan lahirnya pelbagai aliran, fahaman dan pemikiran dalam pendidikan. Antaranya ideologi yang berasaskan dualisme dan sekularisme telah menyerap masuk ke dalam sistem pendidikan. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (2010), iaitu ideologi yang terdapat unsur menyeleweng seperti dualisme dan sekularisme yang masuk ke dalam masyarakat Islam mampu menjauhkan mereka dengan ajaran Islam seterusnya menolak Islam dengan mudah. Akhirnya, berlakulah peminggiran dan pemisahan dalam pendidikan diantara ilmu duniawi dan ukhrawi seterusnya hilang kesepaduan dalam pendidikan tanpa menerapkan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

2.2 Perkaitan Teori Behavior Dalam Penerapan Nilai

Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Bab 1, penyelidik menggunakan Teori Behaviour atau tingkahlaku yang berkaitan Teori Pembelajaran yang diperkenalkan oleh Albert Bandura. Menurut Zainal (2009), pendokong teori tingkahlaku mempercayai semua manusia bersih dan suci dari kesalahan namun punca berlaku

pembentukan tingkah laku adalah dari aspek persekitaran. Zainal (2009), juga menambah tingkah laku manusia adalah berdasarkan daripada pengalaman seseorang melihat suasana persekitaran. Sebagai contoh, pelajar yang sentiasa melakukan kesalahan disiplin seterusnya berlaku keruntuhan akhlak berpunca dari pelbagai masalah disekelilingnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sharif dan Roslan (2011), kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial adalah berpunca dari faktor dalaman dan luaran antaranya ialah diri sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan juga persekitaran sekolah. Justeru itu, nilai wujud dari tingkah laku manusia yang berpunca faktor dalaman dan luaran seseorang.

Teori Pembelajaran yang diperkenalkan oleh Bandura (1973), menyatakan bahawa tingkah laku seseorang bukan sahaja ditentukan oleh faktor dalaman sahaja malahan faktor luaran seperti idola juga mempengaruhi tingkah laku. Ini secara jelas menyatakan bahawa pengalaman dan pemerhatian akan mempengaruhi tingkah laku seseorang. Selain itu juga, perkaitan antara teori tersebut dengan tingkah laku nilai-nilai murni mempunyai hubungkait yang ketara. Sebagai contoh, suasana persekitaran yang baik akan melahirkan seorang pelajar yang berakhlak mulia seperti bertanggungjawab, bekerjasama, hormat menghormati dan sebagainya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yahaya *et al* (2011), teori Albert Bandura menerangkan tentang pengukuhan tingkah laku. Malahan, permasalahan yang paling dominan seperti masalah disiplin di kalangan pelajar adalah antara permasalahan yang memerlukan pengukuhan tingkah laku. Oleh yang demikian, memupuk nilai-nilai murni kepada pelajar perlu bermula dari semua pihak. Justeru itu, pengajar juga bertanggungjawab untuk menyampaikan nilai-nilai ini kepada pelajar terutamanya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

2.3 Konsep Nilai

Kesedaran tentang nilai perlu dipupuk sejak zaman kanak-kanak lagi secara khususnya bermula zaman prasekolah. Semua pihak termasuk ibubapa, guru-guru, pemimpin dan masyarakat perlu bekerjasama dalam menyemai sifat ini. Nilai yang baik akan melahirkan sikap dan perangai seseorang individu itu menjadi cemerlang. Menurut Hussin (1995), sikap dan nilai saling berkait dan melengkapi di antara satu sama lain tetapi kedua-duanya tidak serupa. Hussin (1995), juga menambah nilai

adalah terbitan dan sikap adalah gagasan seperti jika seseorang menyanjung nilai kemewahan, maka individu berkenaan bersikap positif terhadap produktiviti dan keuntungan, dan bersikap negatif terhadap kemalasan dan kerugian. Ini bermakna nilai adalah lebih abstrak daripada sikap. Oleh yang demikian, nilai dan sikap mendorong dan mempengaruhi tingkahlaku dan pemikiran, tetapi yang menjadi pengimbangtara ialah nilai bukannya sikap.

Dalam pengertian yang lain menurut Institut Takbir Awam Negara (INTAN) (1993), menyatakan nilai ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Mengikut kajian, kebijaksanaan, keadilan dan kesederhanaan merupakan nilai-nilai utama dalam masyarakat. Selain daripada itu menurut Ahmad (2004), nilai secara umumnya merangkumi aspek benda, harga, markah dan keinginan. Sebagai contoh, sekiranya seorang pelajar itu mempunyai matlamat yang tinggi untuk belajar dan berusaha untuk memiliki keinginannya, maka dengan keinginan tersebut pelajar tadi akan mendapat nilaian kejayaan. Oleh yang demikian, pendidikan mempunyai peranan yang utama bagi melahirkan individu yang mempunyai kebijaksanaan seterusnya mengamalkan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

2.4 Konsep Sahsiah

Sahsiah mulia merupakan salah satu perkara yang sangat ditekankan dalam Islam untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Menurut Yalawae (2007), kehadiran Rasulullah sebagai utusan Allah s.w.t bertujuan untuk menyempurnakan akhlak dan sahsiah manusia dari berterusan melakukan kejahilan, seterusnya mengubah dan memperbetulkan sikap manusia yang suka menindas, tamak haloba, menipu dan sebagainya. Sebagai contoh, sahsiah yang mulia dikalangan pelajar merangkumi sifat bekerjasama, bertanggungjawab, rajin, hormat-menghormati dan sebagainya. Peranan sahsiah juga tidak boleh dinafikan kepentingannya dalam kehidupan seseorang kerana ia berfungsi membina sahsiah dan keperibadian seseorang. Akhlak yang seimbang merangkumi kesepaduan dari aspek fizikal dan *spiritual*.

Pengertian sahsiah boleh ditakrifkan mengikut kepada beberapa pandangan tokoh-tokoh Islam dan tokoh-tokoh barat. Menurut Darusalam (1997), sahsiah bermaksud tingkahlaku seseorang yang telah menjadi tabiat dan merupakan satu gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang dan ia juga membawa maksud kejadian yang semula jadi iaitu setiap manusia mempunyai sifat-sifat semula jadi yang memang sedia ada pada dirinya sama ada yang telah menjadi tabiat dari segi tingkah laku atau perangai. Selain itu Darusalam (1997), menyatakan sahsiah mulia terbahagi kepada dua bahagian iaitu himpunan pemikiran dan perasaan serta kebiasaan yang berhubung dengan hak-hak manusia dan kewajipan seseorang yang diterima. Justeru itu, secara umumnya sahsiah mulia ialah ilmu yang mengkaji tentang gejala-gejala tingkahlaku dan tindak tanduk manusia termasuklah cita rasa, perangai, kehendak, keinginan, yang dijelmakan melalui sifat dalam bentuk pemikiran, perlakuan dan perasaan.

Yalawae (2007), juga menyatakan bahawa sahsiah mulia merupakan asas kepada memperbaiki perangai, adab dan kesempurnaan peribadi, membina diri dan ciri-ciri mendapat hidayah dan petunjuk dari Allah s.w.t. Malahan sahsiah Islam merupakan akhlak yang teristimewa dengan pengkhususannya yang tersendiri. Selain itu menurut Ibrahim (2012), aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang semakin berlaluasa. Sahsiah mulia juga merujuk kepada tabiat semula jadi yang dimiliki seseorang termasuk tabiat yang dimiliki secara fitrah ataupun tabii seperti perasaan marah, ketawa, senyum dan sebagainya. Sahsiah yang baik akan melahirkan keperibadian yang baik begitu juga sebaliknya iaitu akhlak yang buruk akan menjadikan seseorang itu dipandang serong oleh masyarakat akibat perbuatan buruk yang dilakukan.


2.5 Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan konsep melahirkan manusia yang seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani. Merujuk kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), matlamat FPK ini menjuruskan kepada kesepaduan pendidikan dengan penerapan nilai-nilai murni. Secara umumnya,

keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPK akan dapat dicapai jika pelajar dapat merealisasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Menurut Fadzil dan Ahmad (2010), dengan mengatakan FPK berupaya memberi peluang kepada pelajar untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi dan kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai murni perlu menjadi dasar kepada kurikulum pendidikan kebangsaan agar kesepaduan dan keseimbangan itu wujud.

2.5.1 Elemen-Elemen Nilai-Nilai Murni Menurut FPK

Menurut Ahmad (2004), Jawatankuasa Pendidikan Akhlak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1976 telah meneliti nilai-nilai yang terkandung dalam pelbagai agama dan tidak hanya fokus kepada agama Islam sahaja. Kajian dan maklum balas yang diperolehi, jawatankuasa ini yang dianggotai oleh wakil pelbagai agama telah menerima 16 nilai yang boleh diajar dan diserapkan kepada semua pelajar di negara ini untuk membentuk pelajar yang seimbang dan menyeluruh dari segi kognitif, efektif, psikomotor dan akhlak. Berikut adalah 16 nilai-nilai murni yang digariskan di dalam FPK:



Rajah 2.1 : 16 Nilai-Nilai Murni Yang Diadaptasi Dari FPK (Ahmad, 2004).

Rajah 2.1 menerangkan nilai-nilai murni yang boleh diterapkan kepada pelajar sewaktu proses pembelajaran. Menurut Rashid (2002), nilai-nilai murni ini boleh diterapkan melalui semua mata pelajaran dan diperkuatkan pula melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum serta pembentukan budaya sekolah yang positif. Secara ringkasnya, kedua-dua bentuk kurikulum sama ada formal dan tidak formal iaitu sewaktu pembelajaran dan aktiviti kokurikulum boleh digunakan sepenuhnya dan secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan. Dapat disimpulkan disini bahawa penerapan nilai-nilai murni di dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara formal atau tidak formal adalah salah satu dari kaedah terbaik dalam penyampaian. Ia tidak hanya terlibat kepada matapelajaran tertentu sahaja malahan kesemua mata pelajaran yang diajar dengan dibantu oleh pengajar sebagai moderator.

2.6 Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Falsafah Pendidikan MARA (FPM)

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam pekeliling MARA bil, 17/2013, 16 Disember 2013, pendidikan MARA adalah satu usaha yang berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang. Falsafah ini telah dihuraikan di dalam Jadual 2.1 sebagaimana berikut:

Jadual 2.1: Falsafah Pendidikan MARA

Falsafah	Huraian
Ilmu	hasil daripada proses pengajaran, pembelajaran dan pengalaman
Teknologi	berasaskan prinsip sains dan matematik
Nilai Keusahawanan	meliputi sifat amanah, berpengetahuan, kreatif, inovatif, berdaya saing, berdaya maju dan berdikari
Holistik	bersepadu dan menyeluruh berteraskan kepada nilai dan meliputi aspek kecemerlangan akademik, kebijaksanaan, fizikal dan iman
Seimbang	pembangunan diri dan ummah untuk kebaikan dunia dan akhirat

Oleh yang demikian, bagi melahirkan seorang pelajar yang berjaya dari semua aspek maka pendidikan perlu kearah kesepaduan, keseimbangan dan menyeluruh yang berteraskan kepada nilai.

Nilai-nilai murni ini sedikit sebanyak telah diterangkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan MARA. Walaubagaimana pun penerapan nilai-nilai murni yang diterapkan di Institusi Pendidikan MARA sedikit sebanyak ada perkaitan dengan Kemahiran Insaniah pelajar. Sebagai contoh, terdapat lima elemen yang perlu diterapkan kepada pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) yang telah ditetapkan oleh Bahagian Kemahiran Teknikal (BKT) MARA pada Julai 2012. Elemen-elemen tersebut ialah moral dan etika, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kreatif dan inovatif dan kemahiran keusahawanan. Namun demikian, penyelidik hanya mengambil tiga elemen yang mempunyai perkaitan dengan penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di KKTm. Ketiga-tiga elemen yang dikaji ini menjurus ke kearah penerapan nilai-nilai murni dengan mengemukakan ciri-ciri berikut :

2.6.1 Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bekerjasama

Nilai-nilai murni yang akan dilihat di dalam kajian ini antaranya ialah berkenaan dengan kerjasama di kalangan pelajar. Menurut Mad Shah (2004), kerja berkumpulan bermaksud setiap ahli menerima arahan daripada ketua untuk melaksanakan tugas. Tambahnya lagi kerjasama boleh ditafsirkan sebagai gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dilakukan untuk menghasilkan prestasi kerja yang melebihi input sekiranya dilakukan sendirian. Kajian yang dilakukan oleh Adam dan Kassim (2011), mengatakan kerjasama berkumpulan akan menghasilkan daya kreatif yang lebih berbanding daya kreatif orang perseorangan. Katanya lagi, kerja berkumpulan akan memberikan kepuasan kerana ia membolehkan kita memenuhi keperluan sosial, seperti dapat mewujudkan jaringan hubungan dengan rakan kumpulan. Menurut Katip *et al* (2005), elemen-elemen di dalam pembelajaran berkumpulan berupaya menjadikan pelajar lebih

bermotivasi untuk belajar kerana pembelajaran berkumpulan pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri dan kumpulan.

2.6.2 Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Hormat Menghormati

Nilai hormat menghormati adalah salah satu elemen penting yang perlu diterapkan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Yalawae (2007), hormat menghormati merupakan salah satu titik tolak seseorang itu berakhlak mulia. Peng (2010), juga mengatakan bahawa amalan sifat hormat-menghormati dikalangan pelajar adalah antara amalan-amalan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan. Selain itu, menurut kajian yang dilakukan oleh Hussain (2014), mengatakan kurangnya kesedaran tentang nilai-nilai murni seperti hormat menghormati adalah antara faktor yang menyebabkan mempunyai masalah disiplin. Selain itu jua menurut Fadzil dan Ahmad (2010), nilai toleransi adalah penting dalam kehidupan bagi menjamin wujudnya persefahaman, hormat menghormati hak dan kebebasan. Oleh yang demikian, sikap hormat menghormati perlu menjadi matlamat utama kepada penerapan nilai-nilai murni dalam membentuk pelajar yang mempunyai sahsiah mulia.

2.6.3 Nilai-Nilai Murni Dari Aspek Bertanggungjawab

Penerapan nilai-nilai murni sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek bertanggungjawab perlu ditekankan kepada pelajar terutamanya proses pembelajaran berasaskan pelajar. Menurut Katip *et al* (2005), setiap pelajar perlu mempunyai sikap bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pembahagian tugas dapat dilakukan secara adil. Manakala Buntat dan Masrom (2003), dalam kajiannya menyatakan selain pelajar perlu mempunyai sikap tanggungjawab, pengajar juga perlu mempunyai sikap tanggungjawab yang tinggi dalam membimbing pelajar. Kajian ini diperkuatkan lagi oleh kajian Abas (2007), yang menyatakan pengajar dipertanggungjawabkan untuk membantu, memupuk dan mengukuhkan sahsiah

pelajar. Namun demikian Sigh dan Esa (2008), dalam kajiannya menyatakan bahawa terdapat dalam kalangan pengajar yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi kerana terlibat dengan kerja sampingan yang lebih menguntungkan. Justeru itu, hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa pensyarah diketiga-tiga KKTM telah menerapkan sifat bertanggungjawab kepada pelajar serta para pelajar juga boleh menerima amalan bertanggungjawab sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

2.7 Pendidikan Sebagai Landasan Penerapan Nilai-Nilai Murni

Dunia pendidikan berhadapan dengan arus kebendaan dan materialistik yang cukup kuat di era globalisasi ini. Terdapat banyak pengaruh negatif yang boleh merosakkan moral dan akhlak. Arus kebendaan ini juga sangat sukar ditangani sekiranya kita tidak mempunyai persediaan yang secukupnya terutamanya para pelajar. Othman (2010), berpendapat penerapan nilai murni kepada pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah asas pembangunan kepada nilai pelajar yang berdisiplin, bermoral dan beretika. Selain itu, nilai-nilai murni ini dapat dipupuk secara formal dan tidak formal. Oleh yang demikian, fungsi dan peranan pendidikan haruslah memenuhi ciri-ciri pendidikan yang bersepadu yang menerapkan nilai-nilai murni yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek kepada pelajar.

Selain itu menurut Ahmad (2004), program pendidikan pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi mestilah bersifat bersepadu. Konsep bersepadu ialah penghayatan dan pelaksanaan tuntutan Allah dalam penerapan nilai-nilai murni dari aspek kehidupan manusia. Ia merangkumi aspek material, moral dan spiritual. Mereka ini perlu mempunyai kekuatan dalaman iaitu kerohanian, spiritual, dan akidah yang mantap serta emosi yang stabil dalam menghadapi situasi ini. Selain itu Arifin dan Dan (2002), telah menyatakan bahawa skop pendidikan sepadu meliputi kesepaduan dalam matlamat pendidikan, kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, keterampilan guru serta penerapan nilai murni kepada pelajar. Matlamat pendidikan sepadu juga adalah untuk melahirkan insan yang cemerlang dari aspek intelek dan tinggi ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Menurut Ibrahim (2004), pelaksanaan pendidikan di Malaysia telah menekankan tentang k-ekonomi, bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang profesionalisme yang lain. Hal ini sebenarnya tidak menyimpang daripada konsep ilmu dan pendidikan yang dianjurkan oleh Islam, iaitu menyepadukan ilmu wahyu dan ilmu yang dihasilkan oleh akal manusia. Sebagai contoh Kementerian Pendidikan memutuskan untuk menggunakan strategi bersepadu di peringkat sekolah. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua matapelajaran yang diajar tidak terpisah di antara satu sama lain, malah berkaitan dan bersifat bersepadu. Inilah unsur-unsur utama yang akan digunakan untuk mewujudkan kesepaduan seterusnya melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia.

Menurut Arifin dan Dan (2002), kurikulum dalam sistem pendidikan mampu menyusun dan membentuk masyarakat madani. Sebagai contoh prinsip berteraskan keimanan yang menjamin keseimbangan, kebebasan, kestabilan dan kesejahteraan masyarakat. Seterusnya mendorong perkembangan individu dari aspek pemikiran, budaya, sosial dan ekonomi. Selain itu Arifin dan Dan (2002), menambah satu keistimewaan yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), ialah kesepaduan nilai-nilai murni merentasi kurikulum semua bidang pengajian dan mata pelajaran dari pelbagai peringkat.

2.8 Konsep Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional

Semenjak Malaysia mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia telah mengalami pelbagai perkembangan selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ibrahim (1994), menekankan tanggungjawab kerajaan menyediakan keperluan pendidikan dengan melatih generasi muda dalam bidang kemahiran pada masa kini untuk memberi peluang anak-anak kita bekerja dan bertugas sebagai tenaga terlatih dan tenaga mahir dalam sistem ekonomi. Kurikulum pendidikan di Malaysia sentiasa berlaku penambahbaikan dan pemurnian dari masa ke semasa begitu juga dengan sistem PTV. Menurut Saleh *et al* (2012), PTV perlu menilai semula kurikulum dengan mencari satu standard nilai

yang perlu diterapkan untuk membangunkan tenaga kerja. PTV juga begitu penting dan berperanan dalam proses pembangunan sesebuah negara.

Selain itu, perlu diketahui pendidikan PTV merupakan salah satu proses pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan pelbagai kemahiran. Ini telah dijelaskan oleh Othman (2010), dengan menyatakan matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan PTV ialah untuk melahirkan insan yang berkemahiran serta memiliki akhlak yang mulia. Selain daripada itu, FPK telah menekankan agar setiap kurikulum PTV yang diajar mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) di samping mengamalkan pendidikan itu secara berterusan. Ini sejajar dengan matlamat FPK yang menitik beratkan keseimbangan dalam pendidikan. Proses ini berlangsung secara berterusan dalam diri manusia sejak kecil hingga ke akhir hayat terutamanya melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh yang demikian proses ini perlu mendapat kerjasama dari semua pihak terutamanya tenaga pengajar sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berjalan.

Ini tidak terkecuali bagi Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) salah sebuah Intituti Pendidikan MARA (IPMA) yang juga merupakan salah sebuah institusi yang berasaskan PTV. Sebagaimana yang dijelaskan di dalam Falsafah Pendidikan MARA iaitu untuk melahirkan pelajar yang holistik dari aspek kesepaduan dan menyeluruh berteraskan kepada nilai dan meliputi aspek kecemerlangan akademik, kebijaksanaan, fizikal dan iman. Oleh yang demikian, secara umumnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan MARA mempunyai matlamat yang sama iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek akademik dan nilai.

2.9 Tugas dan Tanggungjawab Pengajar

Pendidik mempunyai tugas yang sangat besar dalam memberi tunjuk ajar kepada masyarakat terutamanya pelajar-pelajar yang mengikuti sistem pembelajaran secara formal. Menurut Fakhrudin *et al* (2013), menjelaskan tugas dan tanggungjawab pendidik adalah satu amanah yang perlu digalas dan memerlukan satu pengorbanan

RUJUKAN

- Ahmad, A. L. (2005). Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Perlakuan Buli Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Batu Pahat. Tesis Sarjana Psikologi Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, M. S. (2004). Penerapan Pendidikan Bersepadu Di Politeknik. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Ahmad, S. (2006). Amalan Nilai Murni Di Kalangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Menengah. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Abu Saad, H. (2007). Perkaitan Pengahayatan Akhlak, Sikap Terhadap Sains, Pencapaian Dan Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Dalam Konteks Pembangunan Modal Insan Bersepadu Dalam Bidang Sains Dan Teknologi Di SMKA. Tesis Ph.D. Unniversiti Kebangsaan Malaysia.
- Abas, I. (2007). Peranan Guru Membina Murid Manghadapi Cabaran Wawasan 2020. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institusi Perguruan Islam, Selangor*, Jilid 10.
- Ahmad, N. L. (2008). Amalan Penerapan Nilai Murni Guru Perakaunan Dalam Pengajaran Prinsip Perakaunan. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adam, Z. & Kassim, F. (2011). Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam. Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).
- Arifin, T. & Dan, N. A. (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepadu. Bandar Baru Bangi. As-Syabab Media.
- Balwi, M. K. (2002). Sains Dan Teknologi Asia : Hadiah Asia Kepada Dunia. *Jurnal Teknologi*, 37(E) Dis. 2002. Universiti Teknologi Malaysia. Halaman 29-46.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A social Learning Analysis*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice hall.

- Buntat, Y. & Sanapi, R. (2003). Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Semasa Menjalankan Kerja Amali Bengkel. *Jurnal Teknologi*, 39(E) Dis. 2003: 63-76. Universiti Teknologi Malaysia.
- Buntat, Y & Masrom, Z. (2003). Amalan Profesion Perguruan Dikalangan Guru guru sekolah kebangsaan kampong melayu, Kulai Johor. Satu Tinjauan. *Jurnal Teknologi*, 38(E) Jun 2003: 65-74. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bahagian Kemahiran Dan Teknikal MARA (BKT), (2012). Sistem Penilaian Kemahiran Insaniah Pelajar KKTm Dan IKM Edisi 1.
- Darusalam, G. (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fakhrudin, F. Alwi, N. H. Hamzah, A. & Mutalib, L. (2013), Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education (O-JIE)*. January 2013, vol. 1 Issue 1.
- Fadzil, N. S. & Ahmad, J. (2010). Kepentingan Kokurikulum Dalam Pendidikan Di Sekolah Menengah. UKM. Proceedings Of The 4th Internasional Conference On Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia.
- Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai; Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghafar, M. N. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia. 88-117.
- Hashim, S. (2003). *Pedagogi : Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hashim, N. H. (2000). *Pemahaman Guru Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah*. Laporan Penyelidikan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Hamzah, H. (2001). *Penilaian Ke Atas Pelaksanaan Penerapan Nilai-Nilai Murni Di Politeknik Johor Baru. : Tesis Sarjana*. KUiTTTHO.
- Hussin, S. (1995). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum*. Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Edisi kedua.
- Hassan, M. K. (1998). *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Nurin Enterprise. Kuala Lumpur.

- Hopkins (2008). Quantitative Research Design. Dicapai pada 24 Disember 2013 dari <http://www.sportsci.org/2008/wghdesign.html>
- Hamzah, R. Tengku Ibrahim, T. N. Ismail, S. & Ahmad Zuki, R. E. (2012). Pembangunan Jiwa Pendidik Dalam Kalangan Bakal Pendidik. Jurnal Teknologi. Penerbit UTM Press.
- Ibrahim, F. Sarnon, N. Alavi, K. Mohamad, M. S. Akhir, N. & Nen, S. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. Journal Of Social Sciences And Humanities. Volume 7, Number 1, 084-093, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Institut Takbir Awam Negara (INTAN) Malaysia (1993). Nilai Dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam. Halaman 19-20.
- Ibrahim, I. (2004). Isu Islam Semasa. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Ibrahim, A. (1994). Reformasi Pendidikan. Suntingan Buku: Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi cabaran 2020. Nurin Enterprise. Halaman 78-79.
- Jabatan Agama Islam Selangor (2010). Serapan Ideologi Dan Pemikiran Asing Pengaruh Dan Kesannya Terhadap Masyarakat Islam. Laporan Dan Kajian R&D.
- Junoh, H. (2001). Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi Johor. Tesis Phd. Universiti Malaya.
- Kasran, M. H. (2011). Nilai-Nilai Sejahtera Dalam Pengisian Kurikulum Bahasa Malaysia. Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011. Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak.
- Khamisan, Z. H. (2008). Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti Di Politeknik. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). (2009). Program Transformasi Ekonomi. Hala Tuju Untuk Malaysia. Dicapai pada 15 Disember 2013 dari www.mohe.gov.my. Halaman 517-518.
- Kamarudin, S. (2011). Kepentingan Pendekatan Kepercayaan Dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui PTV. Jurnal of Edupres, volume 1 september 2011, Halaman 249-257, Universiti Teknologi Malaysia.

- Konting, M. M. (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Selangor : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V & Morgan, D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Khamisan, Z. H. (2008). Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Melahirkan Sahsiah Pelajar Berkualiti Di Politeknik. Tesis Sarjana UTHM.
- Katip, K. Abu Bakar, B. Malia, F. F. (2005) Tinjauan Pelaksanaan Pembelajaran Berkumpulan Di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPT) Di Johor Bahru. Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan, UTM.
- Mustari, M. I. Hashim, S. Suratman, A. Samat, A. B. Hamzah, A. R. & Abdullah, A. H. (2004), Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor. Research vote no:71872, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Majid, L. Abdullah, N & Zakhi, N. H. (2012). Penerapan Nilai Murni Dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 51-65. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McCullough D. (2008). *Quantitative vs. Qualitative Marketing Research*. Dicapai pada 24 Disember 2013 dari http://www.macroinc.com/html/art/s_qua.html.
- Mohammah Jodi, K. H. Hamat, M. F. & Towpek, H. (2012). Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara. *Jurnal Usuluddin* (Januari-Jun 2012), 35:99-116.
- Mad Shah, I. (2004). Faktor-Faktor Kerja Berpasukan Dan Pengaruhnya Kepada Prestasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nor, U. N. Mahamod, Z. & Badusah, J. (2011). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN:2180-4842, Vol. 1,Bil. 2(Nov. 2011):71-84.
- Noordin, M. Z. (1994). Ke Arah Pelaksanaan Nilai-Nilai Murni Dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara. Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi cabaran 2020. Nurin Enterprise.
- Nor, W. (1994). Reformasi Pendidikan. Suntingan Buku: Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi cabaran 2020. Nurin Enterprise.

- Nawi, N. H (2011). Pengajaran dan Pembelajaran:Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011. Universiti Malaysia Kelantan.
- Othman, M. K. (2010), Peranan Sekolah Dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies 11*.
- Omar, A. (2008). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional Semasa Menjalankan Amali Di Makmal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2012). Buku Panduan Pengajaran Dan Pembelajaran Nilai Merentas Kurikulum KBSR/KBSM. Kuala Lumpur. Dicapai pada 15 Disember 2013 dari www.moe.gov.my.
- Piaw, C. Y. (2012). Asas Statistik Penyelidikan. Hak Cipta Terpelihara McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. ISBN 978-967-5771-37-8.
- Rajendran, M. & Meng, E. A. (1994) Pendidikan Moral (Dinamika Guru). Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Rahim, R. & Hashim, N. H. (2005). Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Sekolah Rendah. prosiding seminar pendidikan JPPG 2005, Universiti Sains Malaysia.
- Rashid, A. R. (2002). Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial Teori Dan Amalan. Penerbit Universiti Malaya. Halaman 127-130
- Suradin, A. & Yusoff, E. E.. (2005), Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005.
- Said, H. (2000), Cabaran Era Globalisasi Ke Atas Warga Pendidikan Di Malaysia. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 6, Oktober 2000, halaman 35-46.
- Sharif, Z & Roslan, N. (2011), Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh,Melaka. *Journal Of Education Psychology & Counseling*, volume 1 Mac 2011, Pages 115-140/ISSN:2231-735X. Universiti Teknologi Malaysia.
- Saleh, Z. Nordin, M. S. & Saud, M. S. (2012). Penerapan Nilai Minjaroes Dan Formula 3H Dalam Kurikulum PTV. *Journal of Technical, Vocational &*

- Engineering Education, Volume 5 March 2012, Pages: 41-55 / ISSN: 2231-7376. Universiti Teknologi Malaysia.*
- Sigh, S. & Esa, A. (2008). Kepimpinan Dalam Menghadapi Isu-Isu Semasa Pendidikan. Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008, 16 Oktober 2008, UTHM.
- Sharif, Z & Roslan, N. (2011), Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal Of Education Psychology & Counseling*, volume 1 Mac 2011, Pages 115-140/ISSN:2231-735X. Universiti Teknologi Malaysia.
- Salleh, N. A. Ariffin, S. R & Daia, M. (2001). Penerapan Nilai Murni Melalui Pembelajaran-Kooperatif Dalam Sains. *Jurnal Pendidikan* 27 (2001) 47-57.
- Suradin, A. & Yusoff, E. E. (2005), Penghayatan Nilai-Nilai Murni Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. *Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005*.
- Suhid, A. (2005). Kerelevanan Pendidikan Nilai Dan Agama Dalam Pembentukan Masyarakat Madani. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 11, Bil 2. Halaman 69-82.
- Tuah, A. H. Stapa, Z. & Munawar, A. (2012). Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) halaman 23-35.
- Tamuri, A. H. & Abdul Razak, K. (2003). Pengajaran Akhlak Di Sekolah Menengah: Persepsi Pelajar-Pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (siri 3): Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi Dan Inovasi. Bangi: Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Halaman 136-190
- Varia (Disember 2013). Elakkan Tekanan Kerja Melampau. *Kosmo*. Dicapai pada 30 Disember 2013, di <http://www.kosmo.com.my>.
- Van Dalen, D. B. (1979). *Understanding Educational Research: An Introduction*. 4th Edition. United States : McGraw hill.
- Wiersma, W. (2000). *Research Method In Education: An Introduction*. Boston; Allyn & Bacon. Halaman 48-76.
- Yahaya, A. (2008). Indeks Perlakuan Buli Di Kalangan Pelajar-Pelajar Di Sekolah Menengah Dan Rendah Di Malaysia. *Research Vote No:78069*. Jabatan Asas Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Yahaya, A. Maalip, H & Omar, M. H. (2011). Permasalahan Yang Mempengaruhi Pembelajaran Dan Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputra (Tingkatan 4) Di Sekolah Menengah Teknik Di Johor Bahru. *Journal Of Educational Psychology And Counseling*, Volume 2, Jun 2011, Halaman 1-27.
- Yalawae, A. (2007). Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W. Membawa Kemuliaan Umat. *Jurnal Usuluddin*, Bil 26, 71-83.
- Zainal, K. (2009). Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah Dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum Bil. 9*.